UUM NEWS HIGHLIGHT
Universiti Utara Malaysia

New Straits Times | Utusan Malaysia | Kosmo! | BH | Sinar | Star | Metro

Kategori
Rencana | Komentar | Lain-lain (Nyatakan): Bisnes
Forum | Minda Pembaca
Tarikh: 7/11/26 Muka surat: 22

UUM/AA88/BH/07.11.2026/P:22(1-5)

Bisnes

Sabtu,
7 November 2026
bhbiz@nstp.com.my
→ Ikuti lebih berita di www.bharian.com.my

Kemenangan Demokrat beri harapan redakan konflik Iran, tarif AS



Penguasaan berpotensi perkukuh semak dan imbang pentadbiran Trump

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Kemenangan Parti Demokrat dalam pilihan raya pertengahan penggal Amerika Syarikat (AS) dilihat sebagai peluang untuk meredakan ketegangan geopolitik susulan konflik Iran serta ketidaktentuan dasar tarif Presiden AS, Donald Trump yang semakin memberi tekanan kepada ekonomi serantau terutamanya Asia.

Penganalisis berpendapat, perkembangan itu penting bagi Malaysia kerana sebarang perubahan dasar Washington boleh memberi kesan langsung terhadap perdagangan, pelaburan dan kos tenaga negara.

Ia khususnya ketika konflik Asia Barat meningkatkan risiko gangguan bekalan serta kenaikan kos pengeluaran dan logistik.

Felo Penyelidik Bersekutu di Institut Hubungan Antarabangsa dan Diplomasi Asia (AIIAD), Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr Nor Azura A Rahman, berkata penguasaan Demokrat di kedua dewan Kongres AS berpotensi memperkukuh mekanisme semak dan imbang terhadap pentadbiran Trump, sekali gus meningkatkan tekanan supaya pendekatan diplomatik diberikan keutamaan dalam menangani konflik berkenaan.

Bagaimanapun, beliau berkata, kemenangan itu tidak bermakna Demokrat mempunyai kuasa untuk menamatkan konflik Iran atau membatalkan tarif Trump secara automatik kerana Presiden AS masih mempunyai kuasa eksekutif yang besar, khususnya dalam urusan dasar luar dan perdagangan.

Katanya, sekiranya konflik AS-Israel-Iran berlarutan, Malaysia berdepan empat risiko utama iaitu peningkatan kos tenaga dan pengeluaran, tekanan inflasi, ketidaktentuan pelaburan serta kelembapan eksport akibat gangguan rantaian bekalan global.

Kedudukan Malaysia sebagai negara pengeluar minyak dan gas, katanya, tidak bermakna ekonomi domestik terlindung sepenuhnya daripada kejutan harga tenaga global kerana negara masih bergantung kepada import produk petroleum bertapis serta pelbagai input industri antarabangsa.

"Apabila kos bahan api, pengangkutan dan pengeluaran meningkat, syarikat mungkin memindahkan sebahagian daripada kos terbabit kepada pengguna melalui kenaikan harga.

"Keadaan ini boleh mencetuskan inflasi tolakan kos, sekali gus mengurangkan kuasa beli isi rumah, khususnya golongan berpendapatan rendah dan sederhana," katanya.

Beri tekanan ekonomi

Sementara itu, Penganalisis Ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Madya Dr Mustazar Mansur, berkata ketegangan geopolitik global, termasuk konflik membabitkan AS dan Iran serta perubahan dasar perdagangan Trump terus memberi tekanan kepada ekonomi dunia apabila mengganggu rantaian bekalan, meningkatkan kos tenaga dan mendorong kenaikan harga barangan.

Beliau berkata, kesan tekanan itu turut dirasai Malaysia apabila Indeks Harga Pengeluar (IHPR) meningkat hampir 12 peratus sejak Februari 2026, sekali gus mencerminkan peningkatan kos yang ditanggung pengeluar, walaupun kenaikan harga kepada pengguna masih terkawal.

Katanya, kestabilan Indeks Harga Pengguna (IHP) ketika ini antara lain dibantu langkah kerajaan mengekalkan subsidi bahan api, khususnya petrol dan diesel, sekali gus mengurangkan tekanan kos yang terpaksa ditanggung pengeluar.

Walaupun pengeluar masih mampu menyerap sebahagian peningkatan kos tanpa memindahkannya secara ketara kepada pengguna, keadaan itu, katanya, tidak boleh dianggap berpanjangan sekiranya konflik geopolitik dan ketidaktentuan dasar perdagangan global terus berlarutan.

"Tekanan ini sudah mula dapat dilihat melalui peningkatan IHPR hampir 12 peratus sejak Februari lalu.

"Namun, pengeluar masih dapat mengekang kenaikan harga secara ketara kepada pengguna, menyebabkan IHP kekal stabil.

"Antara faktor yang membantu keadaan ini ialah subsidi bahan api yang masih ditanggung kerajaan, terutama petrol dan diesel," katanya.

> "Apabila kos bahan api, pengangkutan dan pengeluaran meningkat, syarikat mungkin memindahkan sebahagian daripada kos terbabit kepada pengguna melalui kenaikan harga"



Nor Azura A Rahman, Felo Penyelidik Bersekutu di Institut Hubungan Antarabangsa dan Diplomasi Asia (AIIAD), UUM